

**SEJARAH LISAN DALAM DISIPLIN ILMU SEJARAH:
ANTARA REALITI DAN REPRESENTASI**
*Oral History In The Historical Discipline:
Between Reality And Representation*

¹EKO PRAYITNO JOKO

²MD. SAFFIE ABDUL

³NORDI ACHIE

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

³Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Penulis penghubung: 1ekoprayitnojoko@ums.edu.my; 2pie@ums.edu.my; 3nordi@ums.edu.my

Dihantar/Received: 24 Februari 2024 | Penambahbaikan/Revised: 31 Mei 2024

Diterima/Accepted: 31 Mei 2024 | Terbit/Published: 30 Jun 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i1.5018>

Abstrak Perkembangan disiplin ilmu sejarah buat sekian lama memusatkan perbahasan kepada falsafah “tiada dokumen, tiada sejarah” sebagai wadah merealisasikan matlamat sejarawan untuk menghasilkan sejarah “seperti sebenarnya berlaku”. Walhal, usaha mendekati realiti ini tidak ditentukan oleh “bentuk sumber”, tetapi “sifat sumber” sama ada dikelompokkan sebagai sumber primer atau sebaliknya serta kekuatan sejarawan untuk memaknakan peristiwa sejarah bersandarkan kepada prinsip sebenar disiplin ilmu sejarah. Disebabkan fahaman sedemikian terus berlangsung dalam menghasilkan sesuatu penulisan sejarah, maka kedudukan sejarah lisan yang sudah digunakan sejak perkembangan disiplin ilmu sejarah telah “dipinggirkan”, “tersisih” dan “dipandang serong” oleh sejarawan konvensional. Malahan, sumber sejarah yang dihasilkan melalui sejarah lisan dipersoalkan kesahihannya dan dianggap tidak sewibawa sumber dokumen dalam merekonstruksi sejarah. Walhal, metode sejarah lisan bukan sahaja mampu mengumpulkan fakta sejarah yang berwibawa dan mempunyai kesahihan yang tinggi, malahan juga adalah lebih bersifat “kekinian” kerana menampilkkan pengalaman individu yang bersifat kebangsaan. Pada masa yang sama, metode sejarah lisan juga diperlihatkan berpotensi mengumpulkan fakta baharu yang belum didokumentasikan dan mengesahkan atau meluruskan fakta sejarah berkenaan sesuatu peristiwa yang selama ini terlalu berorentasikan penguasaan elit politik

atau mengandungi ketidaktepatan fakta. Bersandarkan kepada kelebihan metode sejarah lisan tersebut, maka artikel ini akan membahaskan kekuatan dan kelemahan sejarah lisan yang melayakkannya diangkat setaraf dengan sumber dokumen dalam merekonstruksi sejarah. Sekiranya perkara ini dapat dilakukan, sudah pasti akan memberikan sejarawan semacam penemuan (memberi peluang untuk mengembangkan tema sejarah) dan pemulihian (mengembalikan keterampilan tertua dalam disiplin ilmu sejarah melalui temu bual) dalam penulisan sejarah.

Kata kunci: Sejarah lisan, kelisanan, historiografi, sumber primer, sumber dokumen.

The development of the historical discipline for so long has centered its debate on the philosophy of “no documents, no history” as a vehicle to realize the goal of historians to produce history “as it actually happens”. Whilst the effort to approach this reality is not determined by the “form of the source”, but by the “nature of the source” whether grouped as a primary source or otherwise as well as the strength of the historians to interpret historical events based on the true principles of the historical discipline. Due to such understanding continues to take place in producing historical writing, the position of oral history that has been used since the development of the historical discipline has been “marginalized”, “set aside” and “looked down” by the conventional historians. In fact, historical sources produced through oral history are questioned for their authenticity and considered not authoritative compared to documented sources in reconstructing history. Whilst the method of oral history is not only able to collect authoritative historical facts and has high validity, but in fact, it is also more “modern” in nature because it presents the experience of individuals who are national in nature. At the same time, the oral history method has also been shown to have the potential to gather new undocumented facts and confirm or correct historical facts regarding an event that has been too oriented to the control of the political elite or contains factual inaccuracies. Based on the advantages of the oral history method, this article will discuss the strengths and weaknesses of oral history that would qualify it to be lifted on par with the documented sources in reconstructing history. If this could be done, it would certainly

give historians some sort of discovery (providing an opportunity to develop historical themes) and restoration (restoring the oldest skills in the historical discipline through interviews) in historical writing.

Keywords: Oral history, orality, historiography, primary sources and historical documents.

PENGENALAN

Apabila persoalan sejarah diangkat sebagai sebuah wacana, bermakna perbincangannya adalah berkaitan dimensi waktu yang telah berlalu. Dalam hal ini, sebahagian besar sejarawan memiliki pandangan yang belum berubah tentang sejarah. Hakikat ini terbukti apabila sejarawan yang berpegang kepada aliran positivisme cenderung menganggap sejarah sebagai ilmu pengetahuan yang bergulat dengan masa lalu, maka yang perlu diketengahkan adalah masa lalu itu sendiri (Lohanda, 2011: 14). Meskipun begitu, pandangan ini bertentangan dengan sejarawan pascamoden yang menganggap sejarah itu bukan persoalan masa lalu semata-mata, tetapi sudah menjadi persoalan masa kini kerana setiap persoalan sejarah yang dimunculkan pada masa lalu, akibatnya terpaksa dihadapi oleh manusia pada masa kini (Foucault, 2012). Walaupun kedua-dua pandangan ini saling bertentangan dalam memaknakan disiplin ilmu sejarah, tetapi kehadirannya tidak mengubah kebergantungan sejarawan kepada sumber sejarah. Maka, kebanyakan sejarawan sepakat bahawa sejarah hanya dapat ditulis dengan keberadaan sumber sejarah dan kebenaran sejarah hanya dapat diungkapkan melalui pengumpulan sumber sejarah kerana sumber memainkan peranan penting dalam menjelaskan sesuatu peristiwa sejarah. Justeru, keberadaan sumber sejarah bukan sahaja membolehkan sejarawan menghasilkan penulisannya, tetapi juga mampu merealisasikan matlamat tanpa akhir sejarawan untuk menghadirkan sejarah “seperti sebenarnya berlaku” (Thompson, 1988). Hal ini demikian kerana gagasan terpenting sepanjang perkembangan disiplin ilmu sejarah adalah berkenaan persoalan kebenaran dalam merekonstruksi sesuatu peristiwa masa lalu. Sungguhpun begitu, usaha menghadirkan kebenaran sejarah sebagai “suatu yang terjadi” dan bukannya “yang dikatakan terjadi” meletakkan kedudukan sumber dokumen sebagai suatu yang lebih objektif dan mempunyai kesahihan fakta sejarah yang tinggi berbanding sejarah lisan.

Paradigma ini terserlah sifatnya menjelang abad ke-19 apabila pendekatan ilmu pasti ditekankan secara meluas oleh sejarawan dalam usaha menghasilkan sejarah “seperti sebenarnya berlaku”. Dengan itu, sejarah lisan yang sekian lama berfungsi mewariskan pengetahuan masa lalu kepada generasi terkemudian menjadi kurang penting dan tidak popular, sehingga secara semberono dikelaskan sebagai sumber kedua. Ternyata, peralihan sudut pandang ini tidak dapat menjamin keseluruhan pengalaman bersejarah sesuatu masyarakat dan negara telah didokumentasi dengan sempurna kerana budaya menulis surat peribadi, penyimpanan catatan harian dan persedian memo yang lengkap sudah menjadi kurang penting. Perkara ini memungkinkan keberadaan sejarah lisan masih kekal relevan bagi menentukan pengalaman manusia tidak hilang sebagai sumber sejarah kerana maklumat masa lalu dapat direkodkan, meskipun peristiwa terbabit terjadi dalam tempoh masa yang telah lama. Menyedari kemampuan sejarah lisan tersebut, maka artikel ini akan membahaskan kekuatan sejarah lisan dalam merekonstruksi sejarah agar kehadirannya dalam disiplin ilmu sejarah dapat diangkat pada kedudukan yang sewajarnya. Kelak, ia mampu meletakkan kedudukan sejarah lisan setaraf dengan sumber dokumen dalam menghasilkan penulisan sejarah kerana berjaya menghadirkan maklumat yang sahih dan berwibawa kepada sejarawan.

KONSEPSI “REALITI” DALAM DISIPLIN ILMU SEJARAH: ANTARA KELISANAN DAN KEBERAKSARAAN

Tidak berlebihan untuk menyatakan matlamat menghadirkan kebenaran sejarah telah bermula seawal pemaknaan kebenaran ilmu pengetahuan yang dibahaskan sejak era ketamadunan Yunani. Walau bagaimanapun, konsepsi kebenaran tersebut hanya mencapai kemuncaknya pada abad ke-19 dengan kehadiran Leopold Von Ranke yang mempertikaikan pemikiran sejarah Hegel kerana dianggap bersifat abstrak dan spekulatif. Oleh sebab itu, Ranke menyeru agar penulisan sejarah objektif dihasilkan bersandarkan kepada kajian kritis terhadap sumber dan penyusunan sumber mengikut prinsip keutamaan agar sejarawan mampu memaparkan sesuatu peristiwa sejarah “seperti sebenarnya berlaku” (Collingwood, 1985; Carr, 1988). Dalam hal ini, Ranke meletakkan peranan dokumen sebagai sumber sejarah

yang sahih dengan meluruhkan aspek ikatan primodial, politik, bahasa dan lain-lain yang dianggap dapat menjerumuskan sejarawan kepada pengaruh unsur subjektiviti. Akibatnya, kebenaran sejarah diyakini dapat dicapai seperti objektiviti dalam ilmu pasti bersandarkan kepada kekuatan dan tingkat sumber sejarah yang digunakan oleh sejarawan. Paksi kefahaman mereka terhadap sejarah sebagai sains ini semakin terserlah apabila J.B. Bury mengungkapkan kalimat *history is simply a science, no less and no more* (Bury, 1972: 223), diikuti oleh Acton yang meletakkan penghasilan sejarah berdasarkan kepada tradisi, *letting them speak for themselves without personal interference* (Acton, 1949: x). Tradisi ini kemudian menyebarkan kalimat *no documents, no history* iaitu peristiwa sejarah tidak dapat ditulis tanpa adanya dokumen (Thompson, 1988: 51). Meskipun begitu, aliran Rankean ini telah dikritik kerana timbul keraguan terhadap semboyan penulisan sejarah “seperti sebenarnya berlaku” memandangkan kebenaran sejarah dianggap tidak bersifat objektif, sebaliknya bersifat relatif dengan adanya komponen subjektif yang dihasilkan oleh semangat zaman (*zeitgeist*) (Beard, 1934: .221-222; Becker, 1955: 328-333).

Penolakan ini dapat ditelusuri melalui idea kebenaran Croce yang menyatakan; (i) semua sejarah adalah sejarah semasa dan (ii) sejarawan tidak seharusnya (tidak berdaya) bersikap tidak berat sebelah dalam menghadapi sejarah (Conati, 2015: 55-56; Ibrahim & Yahaya, 1988: 305-306). Kenyataan ini menunjukkan kepercayaan Croce bahawa sejarah merupakan peristiwa masa lalu yang dikaji oleh sejarawan, maka suatu peristiwa sejarah yang ditampilkan merupakan tanggapan kepercayaan sejarawan berkaitan peristiwa tersebut. Hal ini demikian kerana tafsiran sejarawan terhadap sejumlah sumber termasuklah dokumen dianggap tidak terlepas daripada unsur nilai, keperluan dan kepentingan zamannya. Walaupun Croce menyatakan sejarah yang tidak bersandarkan dokumen adalah sejarah yang tidak dapat disahkan kebenarannya dan tidak dapat dianggap sebagai sejarah, tetapi persoalan kebenaran sejarah perlu bersifat menyeluruh (Croce, 1959: 47). Justeru, kebenaran sejarah tidak hanya ditentukan oleh keberadaan sumber dokumen, tetapi juga pemikiran yang wujud di sepanjang proses pergerakan sejarah yang dikaji, sekali gus memperkuat kedudukan sejarah sebagai disiplin ilmu melalui konsep sejarah sezaman (semasa) (Croce, 1941:

19). Konsep sejarah sezaman ini telah dipanjangkan perbahasannya oleh Beard yang mengungkapkan “sejarah adalah pemikiran masa kini tentang masa lalu” lantas menyebabkan penulisan sejarah baharu akan dihasilkan untuk tuntutan zaman terbabit (Beard, 1934: 220-221). Malahan, Beard turut menyatakan kedudukan sumber itu sendiri dipercayai menjadi penghalang kepada penghasilan sejarah objektif kerana sumber sejarah tidak pernah lengkap akibat tidak direkodkan oleh saksi sejarah mahupun berada di luar pengetahuan manusia. Kekurangan ini kemudiannya mempengaruhi sejarawan untuk memilih dan menggunakan maklumat tertentu sahaja dalam menghasilkan penulisannya lalu menyebabkan sebahagian daripada realiti sejarah telah ditinggalkan (Novick, 1988: 166). Pemaknaan sama telah diketengahkan oleh Becker yang menyatakan, “fakta-fakta sejarah tidak wujud bagi mana-mana ahli sejarah sehingga dia mewujudkannya” (K. Anbalakan, 2016: 23-24; Carr, 1988: 17). Dengan itu, pemahaman tentang masa lalu bukanlah tentang masa lalu itu sendiri, tetapi suatu yang difikirkan (benar-benar) terjadi mengikut tempat dan kedudukan sejarawan sehingga munculnya penulisan sejarah yang bervariasi sifatnya (Becker, 1955: 329).

Perbahasan akan kebenaran sejarah ini diteruskan oleh Collingwood dengan menyatakan semua “sejarah adalah sejarah pemikiran” kerana sejarah merupakan pembentukan semula dalam fikiran sejarawan tentang sesuatu peristiwa sejarah yang sedang dikajinya. Tanggapan Collingwood berdasarkan kepada kepercayaannya bahawa masa lalu yang dikaji oleh sejarawan bukanlah suatu masa lalu yang telah mati, tetapi masa lalu yang dari beberapa aspek masih hidup dalam konteks masa kini. Akan tetapi, sesuatu tindakan manusia pada masa lalu itu sudah mati walaupun telah ditemui oleh sejarawan, kecuali sejarawan berjaya memahami pemikiran di sebalik tindakan manusia tersebut (Collingwood, 1959: 76-77). Maka, objek yang dikaji dalam sejarah bukan sahaja peristiwa, tetapi pemikiran yang terekspresi di sebalik peristiwa yang dikaji kerana pemikiran dapat menjadi objek pemikiran sejarah. Usaha membahaskan tentang kebenaran sejarah ini semakin memuncak sifatnya dengan kemunculan sejarawan aliran pascamoden yang turut mengkritik tanggapan sejarah sebagai suatu pengetahuan saintifik yang mampu menggambarkan kembali sejarah “seperti sebenarnya berlaku”. Kecenderungan ini disebabkan aliran pascamoden mencabar pola pemikiran lama, menterbalikkan sudut pandangan biasa

dan mempersoalkan hierarki sedia ada dengan mengemukakan kaedah analisis baharu bagi mendedahkan kelemahan pemikiran aliran Rankean. Perkara ini dianggap oleh Richard Whitley berjaya membongkar ketaksuhan pandangan dunia ilmiah golongan positivis yang sekian lama mendapat tempat dalam kalangan saintis sains sosial dan kemanusiaan, sekali gus menimbulkan krisis epistemologi (Russell, 1993). Perkembangan ini menyaksikan munculnya kelompok baharu dalam memahami kebenaran ilmu pengetahuan yang mempengaruhi konsepsi kebenaran disiplin ilmu sejarah seperti Hayden White, Ankersmit, Keith Jenkins, Foucault dan Alun Munslow dengan mengkritik pandangan positivisme sebagai sudah ketinggalan zaman. Usaha ini dilakukan dengan mengalihkan pusat wacana (subjek) zaman moden yang berasaskan *antroposentrisme* (manusia) melalui kemampuan indera dan akal kepada *logosentrisme* (bahasa) akibat kematian manusia sebagai subjek.

Hal ini demikian kerana manusia tidak lagi dianggap sebagai subjek bahasa, pemikiran, tindakan dan sejarah menyebabkannya tidak menjadi pusat pemaknaan kebenaran kerana manusia kini dibicarakan (dimaknakan) oleh struktur bahasa, budaya dan politik. Penekanan tersebut telah membentuk kepercayaan bahawa suatu yang dapat dikaji atau ditemui hanyalah sekadar wacana dan bukannya realiti sebenar. Dengan makna lain, pengetahuan sebagai suatu kebenaran adalah bentuk wacana yang paling dominan atau diterima kewibawaannya dalam konteks zamannya sama ada didokumentasikan sebagai sumber dokumen mahupun dilestarikan melalui sejarah lisan. Perubahan ini difikirkan wajar dilakukan memandangkan disiplin ilmu sejarah dikatakan mempunyai asas epistemologi yang tidak kukuh kerana fokus penelitiannya adalah suatu yang telah berlalu. Hal ini menyebabkan aliran pascamoden percaya sejarawan hanya dapat menemui sebahagian daripada keseluruhan peristiwa sejarah melalui sumber kerana dipenuhi dengan “kod”, “simbol”, “tanda makna”, “interpretasi” dan “persepsi” manusia terdahulu. Akhirnya, kaedah analisis wacana sumber yang dilakukan oleh sejarawan bagi memecahkan segala kod yang tersimpan dalam bahasa dan merekonstruksi tanda makna sebagai mewakili representasi manusia terdahulu hanyalah sekadar merekabentuk kebenaran sejarah (Jenkins, 1991: 57-60; Ankersmit, 1989: 137-153). Perkara ini menyebabkan sejarawan pascamoden menyatakan analisis

wacana sumber tidak membawa sejarawan kepada kebenaran sejarah kerana usaha menyatakan realiti merupakan satu lagi kaedah membentuk realiti. Dengan itu, kajian sejarah dikatakan bersifat intertekstual kerana berasaskan hubungan antara beberapa teks, sumber dan karya sejarah menyebabkan pengungkapan sejarah sebagai suatu kebenaran adalah representasi masa lalu yang terkandung dalam sumber atau karya sejarah. Atas sifat kajian sejarah ini, Foucault mendesak agar sejarawan mengalihkan keinginan mereka untuk merungkaikan setiap bukti tentang masa lalu, sebaliknya menguji bahasa (teks) kerana hanya melalui perantaraan terbabit manusia memahami dan menginterpretasi pengetahuan.

Keadaan ini disebabkan, Foucault melihat pendefinisian sejarah tidak lagi bersandarkan cabang sejarah, sebaliknya ditentukan oleh kecenderungan terhadap disiplin, paradigma, autoriti, kebenaran dan kepastian (Munslow, 1997: 124-125). Kecenderungan ini dikaitkan dengan persoalan kekuasaan dalam menghasilkan pengetahuan melalui konsep ketidaksinambungan, arkeologi pengetahuan dan genealogi kekuasaan sehingga Foucault sampai kepada kenyataan bahawa kebenaran adalah regim. Dalam hal ini, beliau menyatakan pengetahuan dan kekuasaan sudah “bersulam satu” semasa fakta dihasilkan, lalu menolak kenyataan bahawa ilmu pengetahuan terhasil untuk kepentingan ilmu pengetahuan dan bukannya untuk kepentingan politik (Adlin, 2016: 14; Setiawan & Sudrajat, 2018: 31). Akibatnya, Foucault tidak mengiktiraf sejarah sebagai suatu disiplin ilmu yang dapat menerangkan perkara sebenarnya berlaku, sebaliknya sekadar menyatakan suatu yang telah terjadi dari sudut pandang tertentu bersandarkan pegangan ideologi atau kepentingan tersendiri (Said, 2004: 187). Tanggapan sama turut dinyatakan oleh Ankersmit dengan menyatakan bahawa adalah mustahil untuk menguji ketepatan suatu teks kerana pemisahan antara representasi dengan realiti masa lalu adalah tidak sah (Ankersmit, 1989: 145-147). Tambah beliau lagi, kajian sejarah sangat berbeza dengan ilmu pasti, sebaliknya lebih dekat dengan kajian sastera kerana lebih mementingkan dimensi makna berbanding persoalan kebenaran dan lebih mementingkan nilai estetik berbanding kebenaran realiti (Zagorin, 1990: 266; Tan Liok Ee, 1995: 81). Tanggapan ini juga selari dengan pandangan White yang menyatakan kedudukan sejarah sebagai sebuah wacana yang dikuasai oleh pemikiran dan tindakan berkaitan estetika menyebabkannya lebih dekat

kepada bidang sastera berbanding ilmu pengetahuan (Alun Munslow, 2013: 1-7). Penolakan akan kemungkinan menghadirkan sejarah objektif dan saintifik ini juga dibahaskan oleh Jenkins dengan menyatakan sejarah bukan suatu bentuk kebenaran, tetapi pengetahuan yang harus didekati sebagai “sejarah fikiran sejarawan” dan bukannya “sejarah fikiran masyarakat masa terdahulu” (Joko, 2022).

Dengan makna lain, sejarah sebagai ilmu dianggap bukan representasi langsung dari masa lalu kerana ia dikatakan hanya terjadi sekali sahaja dan tidak berulang. Justeru, rekonstruksi bertulis atau lisan yang ditemui adalah produk daripada bahasa, wacana dan pengalaman sejarawan mengikut konteks zamannya (Gulo, 2018: 86). Kenyataan ini membuktikan tentang pandangan Jenkins yang selari dengan sejarawan pascamoden lain, iaitu realiti dalam sejarah hanya wujud pada masa lalu dan tidak mungkin dapat dijangkau oleh sejarawan terkemudiannya. Sungguhpun kebenaran sejarah yang diharapkan tidak pernah hadir dalam historiografi, tetapi setiap sejarawan dikatakan sentiasa berusaha menyajikan kebenaran sejarah dengan melanjutkan pencarian yang lebih baik tentang masa lalu. Usaha merealisasikan matlamat ini menyebabkan sejarawan bertindak memberi makna kepada masa lalu dengan menciptakan suatu narasi sejarah untuk; (i) mempelajari perkara yang telah berlaku, (ii) kepentingan masyarakat kini dan (iii) masyarakat masa hadapan (Jenkins, 1999: 14-15; Jenkins, 1995: 118). Dengan itu, Jenkins percaya rekonstruksi sejarah yang telah dilakukan berupaya untuk direkonstruksi semula kerana sejarawan pada masa kini sentiasa bertanya tentang kebenaran penulisan sejarah yang dihasilkan sebelumnya. Kedudukan sejarah sebagai sebuah wacana ini telah dipengaruhi oleh keinginan sejarawan terhadap peristiwa yang dikajinya dan bukannya menerima kepercayaan sejarawan lain. Atas maksud tersebut, Jenkins menyatakan karya yang dihasilkan oleh sejarawan perlu sentiasa dilihat sebagai sebuah cerita hasil sudut pandang sejarawan berkenaan suatu peristiwa sejarah atau dalam makna lainnya, tentang bagaimana seseorang sejarawan mendekati dan melihat faktanya (Finney, 2013: 3-7; Jenkins, 1999: 5-25). Pemaknaan akan kebenaran sejarah ini juga mendapat tempat dalam perbahasan Alun Munslow yang menyatakan fakta sejarah

dalam penulisan tidak pernah ditemui secara murni oleh sejarawan kerana fakta sejarah sentiasa mengandungi unsur *bias* melalui fikiran subjek atau sejarawan (Munslow, 2013: 74-75; Gulo, 2018: 89).

Oleh itu, sifat sejarah adalah tidak seragam (tunggal) melainkan berubah-ubah dan menjadi tidak pasti (pelbagai ragam) (Munslow, 1997: 34-35; Munslow, 2013: 56). Disebabkan historiografi merupakan analisis atas rantaian interpretasi, maka Munslow menggesa agar perbahasan berkenaan sumber dan karya sejarah dimulakan dengan pemahaman tentang bentuk bahasa dan kisahnya kerana analisis wacana yang dihasilkan oleh sejarawan sangat ditentukan oleh pilihan bahasanya. Hal ini demikian kerana Munslow menganggap sejarah tidak ditentukan oleh kategori analisis yang sudah mapan, melainkan oleh kehendak sejarawan mentafsir, menghasilkan, mengawal dan membayangkan tentang pengetahuan masa lalu bersandarkan pelbagai pegangan disiplin berkaitan persoalan, kebenaran, autoriti dan kepastian (Munslow, 2013: 67). Dengan itu, Munslow sebenarnya mengkritik sejarawan aliran positivisme yang mempercayai kebenaran dapat ditemukan dari sumber dokumen dan bukannya dari tindakan sejarawan dalam memaknai atau memberi makna kepada sumber tersebut berkaitan peristiwa yang terjadi dalam konteks zamannya. Bersandarkan kepada perkembangan tesis berkaitan persoalan kebenaran sejarah yang diungkapkan oleh sejarawan mengikut perkembangan zaman dan anutan ideologi ini membolehkan pemahaman akan perkara terbabit tidak berlangsung dalam perspektif tunggal, tetapi sentiasa dikembangkan dari semasa ke semasa. Maka, pemaknaan kebenaran sejarah adalah suatu aspek yang sangat ditentukan oleh pegangan paradigma sejarawan dan tidak lagi (hanya) terkongkong oleh bentuk sumber, sebaliknya dipusatkan kepada sifat sesuatu sumber iaitu masih asli, belum ditafsir dan belum diproses, sama ada terdiri daripada dokumen maupun lisan. Atas kefahaman ini, dapat difahami bahawa keberaksaraan dan kelisanan dalam penulisan sejarah adalah kutub yang berbeza, tetapi mempunyai matlamat yang sama untuk menghadirkan kebenaran sejarah sama ada dalam perspektif kebenaran tunggal atau plural.

KELISANAN DAN KEBERAKSARAAN SEBAGAI SUMBER SEJARAH: DUA KUTUB, SATU TUJUAN

Sejarah sebagai suatu dialog yang berlanjutan antara masa kini dengan masa lalu dalam usaha memahami dan merancang masa hadapan memerlukan pembacaan dan penelitian terhadap setiap sumber. Keadaan ini menyebabkan sumber sejarah yang terdiri daripada sumber dokumen dan sejarah lisan perlu dioptimumkan penggunaannya kerana keduaduanya mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Dalam hal ini, kedudukan sumber dokumen sudah mendapat perhatian meluas dari aspek kesahihannya kerana sejarawan konvensional menumpukan penggalian sumber sejarah daripada bahan arkib dan sumber dokumen lainnya. Kecenderungan ini disebabkan, sejak abad ke-17 telah muncul kritikan daripada sejarawan konvensional terhadap sejarah lisan bahawa maklumat yang diperoleh melalui temu bual akan mencatatkan fakta yang kurang tepat. Tanggapan ini seterusnya mempengaruhi perkembangan sejarah lisan sehingga abad ke-19 apabila memperlihatkan garis yang linear, terpinggir dan sentiasa dipersoalkan kedudukannya kerana dianggap tidak mempunyai kekuatan untuk melakukan rekonstruksi sejarah. Pandangan ini didirikan berdasarkan kefahaman maklumat yang kurang penting berkemungkinan akan diperbesarkan, sebaliknya maklumat yang penting pula berpotensi ditinggalkan begitu sahaja (Ahmad & Sidhu, 1981: 11). Sudah pasti, pandangan berkaitan “memori dalam sejarah” ini tidak sepenuhnya dapat dipertikaikan memandangkan ingatan manusia turut dipengaruhi oleh faktor perbezaan zaman (waktu), kepentingan peribadi, ideologi, kepercayaan serta faktor usia informan sehingga menyebabkan pengalaman seseorang mungkin mengandungi kesalahan dan bersifat *bias*. Namun, adalah tidak bermakna sejarah lisan tidak mampu menghadirkan kesahihan sumber sejarah seperti yang ditunjukkan melalui sumber dokumen kerana perkara tersebut ditentukan oleh kewibawaan informan yang ditemui sama ada diperoleh daripada pelaku, pemerhati atau pendengar sesuatu peristiwa sejarah. Secara umumnya, pertikaian terhadap sumber lisan sebagai sumber sejarah yang berwibawa dapat diperhatikan melalui dua bentuk iaitu; (i) tradisi lisan dan (ii) sejarah lisan seperti yang diklasifikasikan oleh Garraghan melalui perkara berikut (Abdurahman, 2007: 47):

- i. Penyebaran lisan tentang peristiwa yang sukar untuk diterima kebenarannya. Kelisanan ini dikenali sebagai tradisi lisan dan tersebar melalui tiga kaedah iaitu; (i) cerita yang disampaikan oleh bapa kepada anaknya, daripada guru kepada muridnya atau daripada generasi kepada generasi terkemudiannya, (ii) cerita sejarah diperkenalkan menerusi adat istiadat, lembaga dan upacara keagamaan serta (iii) cerita sejarah diabadikan dalam bentuk tulisan dan gambar.
- ii. Penyebaran lisan tentang peristiwa yang baharu atau masih tersimpan dalam ingatan seseorang. Maklumat lisan ini dikenali sebagai sejarah lisan dan diperoleh melalui dua kaedah iaitu; (i) saksi mata yang paling dekat dengan kejadian serta (ii) saksi perantara kerana kesukaran untuk menemui kembali saksi terdekat.

Meskipun keraguan terhadap sejarah lisan terus berlanjutan sehingga kini, tetapi pendukungnya optimis bahawa kelemahan “memori dalam sejarah” dapat dikurangkan sifatnya kerana penilaian terhadap kesahihan sumber lisan juga menggunakan prosedur yang sama dalam menilai kebenaran sumber dokumen (Roosa, et al., 2004: 2). Usaha mempertahankan argumen tersebut dilakukan dengan mengemukakan penulisan bertajuk *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology* dan *The Handbook of Oral History* yang menjelaskan pelaksanaan projek kelisanan adalah selari dengan penarikan kesimpulan menggunakan sumber dokumen. Panduan ini memperlihatkan sejarawan akan sentiasa menganalisis maklumat yang diperoleh secara berulang kali bagi mengenal pasti keselarian dan ketidakselarian maklumat antara setiap informan yang ditemu bual (Grele, 1979: 33). Pada masa sama, untuk mempertahankan kewibawaan maklumat sejarah lisan, sejarawan juga akan melakukan verifikasi secara banding silang dengan sumber dokumen agar kesahihan maklumat dapat diungkapkan. Dalam konteks pendukung sejarah lisan, perkara ini dilaksanakan dengan menggesa sejarawan untuk menemu bual sebanyak mungkin “saksi terlibat” dan “saksi melihat” serta mengurangkan temu bual bersama “saksi dengar” kerana mampu mempengaruhi kebenaran sejarah yang diungkapkan. Perkara yang sama diungkapkan oleh pendukung tradisi lisan yang memperingatkan sejarawan untuk mendapatkan keterangan lisan daripada informan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman

langsung dalam lapangan kebudayaan sesuatu masyarakat bagi mendapatkan “makna yang nyata”. Sekiranya perkara ini dapat dipenuhi, maka keterangan daripada informan yang ditemu bual akan memperlihatkan nilai kesahihan dan kemunasabahan faktanya kerana telah melalui ujian “kebenaran” sejarah (Counce, 1994: 21).

Pendukung sumber lisan percaya, peraturan yang telah digariskan ini bukan sahaja mampu menghadirkan sumber sejarah yang berkredibiliti, tetapi juga dapat bertindak sebagai penerus kepada proses pengumpulan fakta sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah. Hal ini demikian kerana sejarah lisan merupakan kaedah penyelidikan yang dapat menghasilkan sumber sejarah melalui temu bual dengan informan terpilih dan bukannya terbit dari prasangka, khabar angin atau andaian, sebaliknya bersandarkan pengalaman sebenar informan. Pada masa yang sama, sejarah lisan juga membolehkan sejarawan mengumpul gambar, surat peribadi dan pita rakaman yang bersifat koleksi peribadi, tetapi belum dikaji atau direkodkan semula (Abu Hassan, 2004: 149). Dalam hal ini, penghasilan fakta melalui temu bual dan penemuan sumber dokumen yang bersifat koleksi peribadi mampu mengungkapkan fakta dan perspektif baharu mengenai sesuatu peristiwa sejarah. Oleh sebab itu, walaupun terdapat pandangan bahawa sejarah lisan adalah sejarah, tidak lebih dan tidak kurang, tetapi secara realitinya penulisan sejarah yang ditulis bersandarkan sejarah lisan adalah bersifat “kekinian” dan lebih kompleks berbanding sejarah yang ditulis menggunakan sumber dokumen. Akhirnya kelak, sejarah lisan mampu mengisi kekosongan maklumat yang ditinggalkan oleh sumber dokumen bagi membolehkan usaha merekonstruksi “sejarah seperti sebenarnya” dapat direalisasikan sifatnya dalam penulisan sejarah.

Kritikan terhadap sejarah lisan sebagai sumber sejarah juga disusuli dengan penilaian tentang sumber dokumen lebih objektif dan dipercayai kesahihannya berbanding sumber lisan (Moss & Mazikana, 1986: 14). Kepercayaan ini tampaknya semakin berkembang dan diterima sebagai kebenaran sejagat pada awal abad ke-19 apabila muncul tanggapan yang melihat sejarah ilmiah adalah sejarah bersandarkan sumber dokumen. Secara lebih tepatnya, sudut pandang ini muncul pada tahun 1970-an kerana sumber dokumen dianggap mengungkapkan keabadian dan kekinian yang

dapat disatukan, diinterpretasi serta dijelaskan oleh sejarawan daripada mula dihasilkan hingga ditemui dan digunakan untuk merekonstruksi masa lalu. Sedangkan, sejarah lisan disifatkan tidak mutlak, sentiasa berubah dan terdedah kepada pemesongan disebabkan informan yang ditemu bual cenderung untuk melakukan penambahan atau pengurangan secara sengaja mahupun tidak sengaja sehingga mempengaruhi penulisan sejarawan (Abu Hassan, 2004: 152; Ahmad & Sidhu, 1981: 12). Sememangnya sejarah lisan berkecenderungan dipengaruhi oleh nilai *bias*, emosi dan reaksi terhadap peristiwa yang diceritakan, tetapi masalah tersebut tidak seharusnya dijadikan alasan untuk menafikan kemampuannya sebagai sumber yang berkredibiliti dalam penulisan sejarah. Hal ini demikian kerana sumber dokumen juga memiliki kelemahan sama memandangkan surat khabar, laporan peristik dan laporan pentadbiran berpotensi dipengaruhi oleh sentimen primodial, ideologi mahupun dasar majikan yang dipegang oleh seseorang wartawan, sejarawan dan saintis sosial (Portelli, 1988: 68). Oleh sebab itu, adalah tidak mustahil sumber dokumen yang diletakkan sebagai sumber primer turut mengandungi nilai prejedis dan bersifat *bias* semasa ditulis atau dilaporkan.

Sekiranya perkara tersebut berlaku, sejarah lisan mempunyai kelebihan berbanding sumber dokumen dalam mengenal pasti kewibawaan sumber sejarah yang diperolehnya. Hal ini demikian kerana melalui sejarah lisan membolehkan sejarawan dapat menemui informan yang ditemu bual berulang kali untuk mendapatkan penjelasan dan gambaran terperinci berkenaan peristiwa sejarah yang dikaji. Sekiranya interaksi yang baik dapat diwujudkan antara sejarawan dengan informan, maka sudah pasti mampu mendekatkan sejarawan kepada kebenaran maklumat sejarah. Tambahan pula, melalui temu bual yang dijalankan akan membolehkan sejarawan dapat merakamkan idea sikap, perasaan, tindak balas dan reaksi informan terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka. Dalam konteks penyelidikan sejarah, reaksi daripada informan dapat membantu sejarawan memahami pemikiran di sebalik pemikiran yang berkaitan dengan persoalan kesahihan maklumat sejarah (W.J. van der Dussen, 1981: 93). Usaha ini selari dengan saranan Ronald J. Grele agar sejarawan “menangkap struktur yang mendasari kesedaran kerana dapat menentukan dan memberi makna terhadap temu bual lisan” (Grele, 1985: 171). Kelebihan ini tidak dapat

ditemui dalam sumber dokumen kerana kebiasaannya pengarang sumber dokumen tidak lagi hidup ketika penulisannya digunakan sebagai sumber sejarah. Maka sebab itu, pemikiran Derrida dan Foucault yang menjadi dasar kepada sebahagian besar teori sejarah pascamoden menyatakan adalah mustahil untuk menguji ketepatan dan kesepadan yang tercatat dalam sumber dokumen dengan realiti sebenar kerana sejarawan tidak mampu mempertanyakan persoalan pemikiran, ideologi dan kehendak sejarawan yang menghasilkan teks (dokumen) (Ankersmit, 1989: 145-147).

Idea yang sama telah dihujahkan oleh Kuntowijoyo dengan menyatakan menulis sejarah bukanlah suatu perkara yang mudah menyebabkan usaha untuk menghadirkan “sejarah seperti sebenarnya” adalah tidak mungkin wujud (Kuntowijoyo, 2008: 40; Farid, 2008: 1; K. Anbalakan, 1995: 45). Sekiranya terdapat mesin waktu yang dapat menghantar sejarawan ke masa lalu, sejarah tetap akan dilihat dari perspektif tertentu dan tidak dapat ditulis kembali sepenuhnya. Oleh itu, maklumatnya sentiasa kurang, tidak lengkap dan memerlukan pentafsiran daripada sejarawan untuk menghasilkan penulisannya, selari dengan ungkapan pepatah Rusia bahawa “masa depan adalah pasti, hanya masa lalu yang tidak pasti” (Morrison, 2000: 21). Dalam makna lain, penulisan sejarah bukan hanya pengkajian tentang perubahan dalam konteks waktu, melainkan juga sebagai pengkajian tentang pengetahuan yang dihasilkan oleh sejarawan. Walaupun sejarawan dinyatakan tidak mampu mencapai objektiviti dalam penulisan sejarah, tetapi aliran relativisme percaya ia bukan suatu kelemahan penulisan sejarah dalam konteks disiplin ilmu, sebaliknya adalah suatu kekuatan. Kepercayaan ini bersandarkan kepada pemahaman bahawa kehadiran subjektivisme dalam sejarah memberikan peluang kepada sejarawan untuk memaknakan masa lalu bersesuaian dengan konteks zaman, tetapi masih tidak terlepas daripada tanggungjawab kepada faktanya. Sifat sedemikian membolehkan disiplin ilmu sejarah terbuka bagi perbezaan interpretasi dan dapat direkonstruksi bersandarkan kepada sumber dokumen mahu pun sumber lisan. Pemaknaan sedemikian mempunyai fungsi yang sangat penting kerana sejarah tidak hanya menjelaskan tentang masa lalu, tetapi juga secara tersirat memberikan “landasan, pedoman dan arah” kepada masyarakat sekitarnya (Kartodirdjo, 1982: 11). Justeru, penulisan sejarah sebenarnya bukan sahaja mengandungi penjelasan sejarah, malahan “semangat zaman” sejarawan tersebut,

bersesuaian dengan pandangan Croce yang menyatakan setiap generasi berhak menulis sejarahnya sendiri.

Walau bagaimanapun, disebabkan sejarawan aliran Rankean percaya objektiviti dalam sejarah adalah suatu kenyataan yang dapat direalisasikan melalui sumber dokumen, maka sejarah lisan kurang diberikan perhatian sebagai sumber sejarah. Sekiranya difikirkan secara kritis, pemikiran yang terlalu mengangkat dan memuja sumber dokumen hanya menimbulkan kepercayaan berlebihan terhadap sumber tersebut dan menjadikan kerja sejarawan hanya sebagai pengumpul, pemilih serta penafsir sumber dokumen dalam mendekonstruksi sejarah. Tradisi pemikiran ini yang dibangunkan oleh Ranke sebelum disebarluaskan dengan kehadiran Charles Victor Langlois dan Charles Seignobos berpendapat “tiada satu pun yang dapat menggantikan fungsi sumber dokumen untuk melakukan merekonstruksi masa lalu” (Adam, 2000: xiii; Moss & Mazikana, 1986: 16). Dalam makna lain, sejarawan terbabit mendukung falsafah “tiada dokumen, tiada sejarah” yang memberatkan kepada pengumpulan sumber arkib sebagai aspek penting untuk menghasilkan sejarah “seperti sebenarnya berlaku” (Sharpless, 2007: 10). Meskipun begitu, sudut pandang ini yang sekian lama mendominasi pemikiran sejarawan di belahan dunia juga dikritik oleh sejarawan yang berpegang kepada pendekatan pascastrukturalis dan pascamoden. Kelompok ini telah menampilkan pendekatan baharu pada tahun 1979 di seminar antarabangsa di Essex, British yang meragukan pandangan mengenai wujudnya kebenaran mutlak dalam sejarah dan kemudiannya sudut pandang baharu terbabit diterbitkan dalam jurnal sejarah lisan pada tahun 1980 (Erman, 2011: 8-9). Wacana tandingan ini menempatkan penulisan sejarah bukan hanya bermatlamat mendapatkan kesahihan maklumat, tetapi juga mencari peranan subjektivisme dalam sejarah.

Kenyataan ini mentransformasikan pemakaian sejarah “seperti sebenarnya berlaku” dengan memperlihatkan peranan pengalaman sebagai sumber sejarah sebagaimana “dihidupkan” dan “diingat”. Perkara ini disebabkan, kesedaran sejarawan terhadap pengaruh budaya persekitaran dan ideologi ke atas memori individu atau kolektif yang berkemungkinan besar diungkapkan tanpa sedar semasa temu bual dijalankan. Gerakan ini yang berpusat di Itali turut mendapat dukungan daripada Alessandro

Portelli dengan menyatakan argumennya terhadap kritikan sejarawan aliran Rankean dan Neo-Rankean terhadap kesahihan sumber lisan. Sewaktu menyampaikan argumen pembelaannya, Portelli meletakkan perbezaan sumber lisan dengan sumber dokumen melalui aspek “kelisanan, bentuk naratif, subjektiviti, perbezaan kewibawaan antara memori serta hubungan antara sejarawan dengan informan” (Portelli, 1991: 45). Perbezaan antara kelisanan dan dokumen tersebut telah diangkat sebagai sebuah kekuatan sumber lisan berbanding kelemahan dan masalah dalam menghasilkan sumber sejarah.

Kelebihan sumber lisan berbanding sumber dokumen dalam penghasilan sumber sejarah ini juga ditekankan oleh Louis Starr apabila dihadirkan untuk menerangkan dan mendokumentasi peristiwa sejarah yang bersifat biografi, autobiografi dan pemikiran (Starr, 1984: 40). Hal ini demikian kerana kepesatan pmodenan yang melanda dunia membolehkan manusia dapat berhubung dengan cepat melalui telefon, faks, e-mel atau bersua muka secara langsung sehingga menyebabkan tradisi menulis surat, penyimpanan catatan harian dan persedian memo yang lengkap menjadi kurang penting (Ramli, 1980: 34; Abdul Wahid, 1991: 4; Kwa Chong Guan, 1991: 8). Tanggapan ini selari dengan pandangan Thompson bahawa kepesatan teknologi menyebabkan fungsi sosial sumber dokumen telah berubah kerana; (i) sumber dokumen tidak lagi menjadi alat komunikasi utama dan digantikan oleh komunikasi lisan melalui telefon atau dialog secara bersemuka sudah menjadi kebiasaan kerana perkembangan pengangkutan yang efisen semakin meluas dan (ii) sumber dokumen semakin kehilangan nilai kesahihannya dan kini berpotensi dijadikan alat propaganda untuk sejarah masa hadapan atau kepentingan individu (Allen, 1988: 91-92). Perubahan yang kurang memihak kepada sejarawan ini memungkinkan keberadaan sejarah lisan menjadi semakin penting bagi menentukan perkembangan yang berlaku dalam kehidupan seharian tidak dilupai atau hilang sebagai sumber sejarah. Dengan itu, sejarah lisan membolehkan maklumat mengenai masa lalu dapat didokumentasikan, meskipun peristiwa tersebut terjadi dalam tempoh masa yang telah lama. Oleh sebab itu, sejarawan tidak boleh terlalu bergantung kepada sumber dokumen, sebaliknya perlu melakukan penelitian terhadap sumber lisan yang banyak tersimpan pada generasi tua dan belum didokumentasikan. Keadaan ini adalah relevan memandangkan dokumen

sejarah akan terus kekal, tetapi manusia yang mewarisi peristiwa sejarah tidak akan pernah kekal atau dalam ungkapan Louis Starr sebagai “*for deeds do die, how ever nobile donne, and thoughts of men do as themselves decay, but wise words taught in numbers for to runne, recorded by the Muses, live for ay*” (Starr, 1984).

Malahan, kemampuan sumber lisan dalam menghasilkan sumber sejarah telah memberikan sumbangan yang cukup besar apabila mengembangkan kronologi penulisan sejarah yang semakin kritikal kerana; (i) bersifat kontemporari dan memberikan kesempatan yang luas untuk mendapatkan maklumat daripada pelaku sejarah, (ii) mampu menemui pelaku sejarah yang tidak dapat dilakukan melalui pemerasan kepada penggunaan sumber dokumen dan (iii) memperluaskan tema penulisan sejarah kerana tidak dibatasi oleh sumber dokumen, sekali gus mendalami permasalahan yang tidak pernah dibincangkan sebelumnya (Kuntowijoyo, 2003: 29-30). Dengan itu, sejarah lisan dikatakan memberi ruang kepada usaha mengembangkan penelitian mengenai sejarah sosial, sejarah lokal dan sejarah mikro yang sekian lama kurang diperhatikan kerana kekurangan sumber dokumen mengenainya. Atas sumbangannya dalam mengembangkan substansi penulisan sejarah menyebabkan Paul Thompson mengiktiraf sejarah lisan sebagai “biografi masyarakat” (Thompson, 1988: 7). Kehadirannya sebagai “biografi masyarakat” ini bukan sahaja disebabkan pendokumentasian sejarah masyarakat bukan elit, tetapi juga dipengaruhi oleh pengembangan ruang lingkup sejarah yang tidak lagi dibatasi oleh pertanyaan tentang proses, tetapi juga persoalan struktur dan objek sejarah. Dengan itu, sejarah lisan berjaya menempatkan sejarah “masyarakat tanpa sejarah” pada kedudukan sewajarnya apabila suara masyarakat terjajah, golongan buruh, etnik minoriti serta masyarakat bawahan semakin banyak diketengahkan dalam penulisan sejarah (Grele, 2007: 38; Perk & Thompson, 1998: 1-8).

Walaupun sejarah lisan berjaya memperluaskan tema sejarah dan mengangkat suara masyarakat biasa, tetapi dari aspek penghasilan sumber sejarahnya telah mendapat kritikan. Hal ini demikian kerana kebanyakan sejarawan yang mengkaji pengalaman masyarakat biasa dalam mengungkapkan dirinya tidak menjelaskan kedudukan memori informan yang ditemui bual dengan pengaruh daripada sejarah dominan. Sedangkan,

menurut Robert Perks dan Alistair Thompson memori individu yang diperoleh perlu ditempatkan dalam konteks yang lebih luas merangkumi “produksi sosial dari memori” atau “memori popular” kerana terdapat perkaitan antara kesaksian lisan individu dengan memori sosial (Perk & Thompson, 1998: 4). Kegagalan kajian bersandarkan sumber lisan dalam menghasilkan sumber sejarah masyarakat biasa ini yang memisahkan memori individu dengan memori sosial dapat dilihat dalam penulisan Passerini berkaitan kelas buruh Turin di Itali. Kajian beliau mendapat kritikan besar daripada kelompok sejarawan yang bekerja di *Centre for Contemporary Cultural Studies* kerana hanya menganalisis pengalaman subjektif dari kelas buruh, tetapi gagal melihat bagaimana memori buruh yang ditekan ini turut dipengaruhi oleh sejarah dominan (Erman, 2011: 10). Kesedaran sama ditunjukkan oleh sejarawan di Amerika Syarikat yang mendapati sumber lisan dapat menjadi “alat yang kuat untuk menganalisis dan mengevaluasi sifat dan proses memori sejarah”. Hal ini bermakna, sesebuah masyarakat dapat memaknakan pengalaman masa lalunya dengan menghubungkan pengalaman individu dan konteks sosialnya, sebelum pengalaman masa lalu tersebut dijadikan sebahagian daripada masa kini (Frisch, 1990: 188; Thompson *et al.*, 1994: 33-43).

Perkembangan seterusnya menyaksikan kedudukan sejarah lisan sebagai pengumpul sumber sejarah menjadi semakin kompleks apabila metodologi dan teori sains sosial, antaranya pascastrukturalis dan pascamoden berkembang dalam disiplin ilmu sejarah. Kedudukan tersebut mengaitkan sumber sejarah yang dihasilkan melalui sejarah lisan juga tidak terlepas dari lingkungan “bahasa, kekuasaan dan simbol” sehingga persoalan kebenaran sejarah adalah sekadar persoalan representasi sahaja. Oleh itu, kebenaran sejarah lisan bukan ditandai oleh sifatnya, tetapi wacana yang mendominansi perbahasan berkenaan sesuatu peristiwa yang dikaji. Dalam hal ini, sejarawan pascastrukturalis dan pascamoden menyatakan sejarah lisan juga tidak akan membawa sejarawan kepada kebenaran sejarah kerana usaha menyatakan realiti merupakan satu lagi kaedah membentuk realiti (Jenkins, 1999: 57-60; Ankersmit, 1989: 137-153). Justeru, persoalan kebenaran sejarah lisan tidak menjadi pusat perbahasan sejarawan pascastrukturalis dan pascamoden, sebaliknya mengangkat peranan “memori sejarah” sebagai alat untuk mengkritik penindasan dan ketaksamaan yang berlaku dalam

sejarah manusia. Perkara ini dapat ditemukan dalam penulisan Joan Sangster yang menjelaskan debat feminism tentang konstruksi sosial dari memori, dilema etika kelisanan, dilema teoritis yang dilakukan melalui pendekatan pascastrukturalis dan pascamoden perlu merepresentasi tanggungjawab emansipasi (Perk & Thompson, 1998: 4). Ternyata, perubahan dari semasa ke semasa yang mempertanyakan kebenaran sejarah lisan dalam konteks kebenaran tunggal atau majmuk ini membolehkannya semakin dihargai, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai alternatif metodologi dalam disiplin ilmu sejarah.

METODOLOGI KELISANAN SEBAGAI “SUARA MASA LALU”: SUATU ALTERNATIF METODOLOGI

Sumbangan sejarah lisan dalam memperkayakan sumber sejarah terserah sifatnya apabila ditonjolkan sebagai kaedah penelitian sejarah sehingga membolehkan daptan baharu dikemukakan dan kebudayaan dapat dilestarikan oleh sejarawan. Dalam hal ini, sejarah perkembangan penulisan sejarah bukan sahaja telah menempuh pelbagai jalan, tetapi juga mengalami perkembangan yang cukup signifikan dalam merekonstruksikan sesuatu peristiwa sejarah. Keadaan ini disebabkan, disiplin ilmu sejarah telah mengalami kemajuan seiring dengan keterampilan sejarawan dalam memanfaatkan pelbagai kaedah yang dapat mendukung penulisan sejarah. Salah satu daripada perkembangan tersebut memperlihatkan sejarah lisan berusahakan didudukkan sebagai kaedah sejarah yang signifikan untuk mendapatkan suatu kemungkinan yang tidak dapat dipenuhi oleh sumber dokumen. Perkara ini didorong oleh kelebihan sejarah lisan yang dapat digunakan secara tunggal atau sekadar pelengkap kepada sumber dokumen (Kuntowijoyo, 2003: 27). Kedudukan sejarah lisan sebagai kaedah tunggal dapat dihadirkan sebagai suatu kekuatan kepada sejarawan sekiranya dilakukan dengan cermat kerana permasalahan sejarah banyak yang belum didokumentasikan. Tambahan pula, sumber dokumen hanya menjadi saksi terhadap kejadian penting menurut kepentingan pengarang dokumen dan zamannya, namun tidak melestarikan kejadian yang bersifat individual dan unik seperti yang dialami oleh pelaku sejarah. Atas maksud tersebut, pengaplikasian kaedah kelisanan dalam kajian sejarah telah membawa sudut pandangan baharu berkenaan sesuatu peristiwa berdasarkan

“memori sejarah” bersifat individu. Maka, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan “sejarah lisan adalah lebih terperinci dalam membicarakan berkenaan tokoh atau peristiwa sejarah kerana dapat mengetengahkan persoalan yang tidak dapat dikemukakan dalam sumber dokumen” (Sabli, 153). Keterperincian kaedah kelisanan dalam penulisan sejarah ini yang memungkinkan James Reston mencadangkan kepada sahabat Presiden J.F. Kennedy, beberapa hari selepas kematiannya agar “catatlah ke atas kertas segala ingatan dan kenangan awak tentang apa-apa yang telah dilafazkan atau dilakukan oleh mendiang Presiden itu. Catatan ini akan menjadi bahan kepada ahli sejarah yang akan datang. Bagi mereka yang tidak sanggup menulis, pita rakaman bolehlah digunakan untuk mengabadikan kenangan dan ingatan-ingatan itu” (Swain, 1965: 64).

Kemampuan sejarah lisan dalam menghasilkan sumber sejarah dan bertindak sebagai alternatif metodologi ini menyebabkan semakin ramai sejarawan berusaha memposisikan sejarah lisan setaraf dengan sumber dokumen. Meskipun perkara tersebut belum meluas, tetapi usaha mengalihkan historiografi yang sekian lama didominasi oleh sejarah politik kepada sejarah sosial telah memberikan “talian hayat” baharu kepada pendukung sejarah lisan. Walau bagaimanapun, dalam konteks sejarah lisan yang terbahagi kepada sejarah lisan dan tradisi lisan ini menyaksikan penerimaan terhadap sejarah lisan lebih terkehadapan berbanding tradisi lisan sebagai sumber sejarah. Sebaliknya pula, tradisi lisan lebih mendapat sanjungan dalam bidang antropologi – sosiologi kerana kemampuannya melestarikan budaya dan pemikiran masyarakat menyebabkannya digunakan sebagai sumber utama antropologis. Walaupun diakui penerimaan tradisi lisan sebagai sumber sejarah tidak begitu meluas, tetapi usaha mempopularkannya bukan baharu kerana Jan Vansina telah menggunakan sebagaimana sumber utama dalam mengungkapkan sejarah masyarakat terpinggir di Afrika sejak tahun 1970-an lagi (Vansina, 2014). Dalam hal ini, tatkala sebahagian besar sejarawan masih membahaskan tentang sumber dokumen sebagai sejarah, Vansina pula giat mengangkat tradisi lisan sebagai sumber sejarah yang berkredibiliti dalam menghasilkan penulisan sejarah. Kepercayaan beliau disandarkan kepada pemikiran akan kedudukan testimoni yang terus berkembang dan diwariskan secara bergenerasi dalam ruang memori masyarakat pendukungnya, sekali gus

membentuk tradisi lisan. Menurut Vansina, tradisi lisan yang terbentuk adalah rangkuman perjalanan sejarah suatu masyarakat daripada generasi ke generasi tanpa dipengaruhi oleh tradisi bertulis, sekali gus dapat digunakan sebagai sumber sejarah.

Idea yang dimunculkan oleh Vansina ini secara langsung bertindak sebagai antitesis terhadap pandangan Robert H. Lowie bahawa “mereka yang meletakkan nilai kesejarahan pada tradisi lisan berada dalam lingkaran kelompok yang ketinggalan zaman”. Tambah beliau lagi, “jikalau terdapat sejarah yang dihasilkan melalui tradisi lisan, maka sejarah itu tidak lebih daripada sesuatu yang dapat disebut sebagai sejarah primitif” kerana hanya membicarakan tentang nilai sejarah dari sebuah tradisi dan bukannya maklumat masa lalu yang terdapat dalam tradisi tersebut (Lowie, 1917: 161). Sudut pandang ini sebenarnya terbina berdasarkan pembahagian Lowie yang membezakan antara; (i) pernyataan yang benar atas fakta dengan (ii) kebenaran sejarah. Hal ini demikian kerana tradisi lisan dinyatakan hanya mengandungi aspek pertama dan bukannya kebenaran sejarah seperti yang berlaku dalam tradisi keilmuan. Makanya, Lowie menyimpulkan sejarawan dan saintis sosial “tidak dapat menggantikan sejarah ilmiah dengan tradisi primitif” dalam menyelesaikan pelbagai persoalan kesejarahan yang hanya dapat diatasi melalui kaedah objektif ((Lowie, 1917: 161). Disebabkan sudut pandang Lowie yang dianggap merbahaya kepada kelompok tidak mengenal huruf, terpinggir dan bekas masyarakat terjajah ini juga kemudiannya dikritik oleh Sweeney dengan menghasilkan penulisan berkaitan kelisanan sebagai medium menyampaikan pesan sosial, alat pengawalan sosial dan melestarikan pengetahuan serta pengalaman dalam melestarikan budaya dan sejarah sesuatu masyarakat. Hakikat ini dapat diperhatikan melalui penerbitan buku dan artikel seperti *Professional Malay Story-Telling: Some Questions of Style and Presentation* (1974), *Authors and Audiences in Traditional Malay Literature* (1980), *A Full Hearing: Orality and Literacy in the Malay World* (1987) dan Puncak Gunung Es: Kelisanan dan Keaksaraan Dalam Kebudayaan Melayu – Indonesia (2011) yang bukan sahaja menjelaskan ciri-ciri kelisanan sebagai sebahagian daripada kebudayaan masyarakat Melayu, tetapi juga mengungkapkan pengaruh sumber lisan dalam memahami sejarah dan budaya dari perspektif “orang dalam”.

Atas faktor ini, tidak menghairankan Shamsul A.B sangat menghargai idea kelisanan yang ditunjukkan oleh Sweeney kerana merupakan reaksi terhadap historiografi kolonial yang menjadi *the natural embodiments of history, territory and society* sehingga menyingkirkan peranan masyarakat terjajah dalam proses sejarahnya sendiri (Baharuddin, 1996: 476-499; Baharuddin, 2007: 324). Menurut beliau, sekiranya kekuatan ketenteraan membolehkan pihak kolonial menakluki secara fizikal ruang geografi sesebuah wilayah, maka melalui ilmu kolonial membolehkan mereka menguasai ruang epistemologi pemikiran dan ilmu pengetahuan masyarakatnya. Pembinaan ilmu kolonial ini dipercayai melibatkan kaedah saintifik bersandarkan kepada enam langkah yang salah satu daripadanya adalah membina suatu kepustakaan historiografi masyarakat peribumi yang dijajah. Pada setiap langkah ini disematkan analisis sosial yang memungkinkan kuasa kolonial menilai keadaan semasa, menelaah masa hadapan, menggubal dan melaksanakan pelbagai dasar yang memberi kesan terhadap kehidupan masyarakat peribumi, tetapi menguntungkan pihak kolonial (Baharuddin, 1996 & 2007). Tindakan yang dilakukan oleh pihak kolonial ini pula kemudiannya diterbitkan sebagai laporan rasmi kerajaan, artikel jurnal dan monograf dalam bentuk penulisan ilmiah. Terdapat pula sebahagian besar daripadanya didokumentasikan dan diletakkan di gedung arkib sebagai rujukan utama kepada saintis sosial dan sejarawan yang kemudiannya diterbitkan sebagai kajian mereka. Akibatnya, apabila sejarah sesebuah negara bekas jajahan ditelusuri semula, terdapat penulisan mengenainya yang bersifat “suatu yang dikatakan terjadi” kerana ditulis dari perspektif Barat dan bukannya daripada perspektif tempatan. Oleh sebab itu, Taufik Abdullah sebagai salah seorang pelopor perspektif baharu penulisan sejarah masyarakat terjajah menyifatkan “sejarah sedemikian sebagai sebuah cerminan ideologi yang berbentuk kisah dan menghilangkan suara masyarakat terjajah” (Abdullah, 2011: 10). Malahan, sebagai sebuah wacana, sejarah kolonial dipercayai bukan sahaja membentuk sekumpulan idea yang harus dipelihara, tetapi juga sebuah cara untuk menciptakan realiti tanpa sempadan sesuai dengan fungsinya sebagai pemelihara struktur kekuasaan (Spurr, 1994: 11). Matlamat ini yang memungkinkan Van Leur turut mencurigai keberadaan ilmu kolonial dengan menyatakan “dalam historiografi kolonial, sejarah masyarakat terjajah sebenarnya turut dinista dan ditiadakan”.

Pada masa sama, sejarah lisan juga mempunyai kelebihan untuk mengalihkan dominasi “sejarah politik”, “sejarah dari atas” dan “sejarah orang besar” dengan mengangkat pengalaman dan pengetahuan masyarakat biasa yang juga “arif”, “pakar” dan terlibat secara langsung dalam melestarikan budaya dan sejarah kelompoknya. Hal ini demikian kerana sejak akhir abad ke-19 sudah muncul gerakan yang berusaha mengalihkan pemusatan historiografi yang sekian lama terkepompong dengan “sejarah politik”, bersifat “sejarah dari atas” dan cenderung kepada “sejarah orang besar” semata-mata. Gerakan ini muncul akibat kekecewaan terhadap sejarawan aliran Rankean dan neo-Rankean sehingga menyebabkan Karl Lamprecht memperkenalkan konsep sejarah baharu dalam sejarah yang dikenali sebagai “sejarah kolektif”. Wacana tandingan yang dikemukakan oleh Lamprecht ini dianggap oleh Otto Hintze lebih maju daripada Ranke kerana “kita ingin mengetahui tidak hanya puncak gunung melainkan juga kaki gunungnya, tidak cuma tinggi dan dalamnya daratan melainkan keseluruhan benuanya” (Burke, 2011: 20-21). Gesaan yang sama dikemukakan oleh Frederick Jackson Turner pada tahun 1890-an dengan menyatakan “semua bidang kegiatan manusia harus diperhatikan kerana tiada bahagian kehidupan sosial dapat difahami secara terpisah dari yang lainnya” (Turner, 1920; Burke, 2011). Pemahaman baharu dalam penulisan sejarah ini menyebabkan pusat penceritaan sejarah semakin beragam apabila “sejarah sosial” mula mengiringi “sejarah politik” sebagai tulang belakang penulisan sejarah, sekali gus menjadikan ilmu sejarah bersifat multidisiplin. Secara tidak langsung juga, fokus penelitian sejarah adalah kepada masyarakat itu sendiri dengan memperkenalkan kenyataan baharu berkaitan masyarakat bawahan dan mengakui kelompok masyarakat yang dilupakan (Supardan, 2007: 294).

Sekiranya, sejarawan aliran Rankean meletakkan asas penulisan mereka kepada sumber dokumen, maka pendukung sejarah sosial pula memberi nafas baharu kepada pengembangan sejarah lisan dalam penulisan sejarah. Perkara ini berlaku disebabkan sejarah lisan dapat memecahkan sempadan antara institusi pendidikan dengan masyarakat serta antara golongan elit dengan golongan bawahan. Dengan itu, sejarah lisan akan membuka ruang kepada golongan terpinggir, golongan bawahan dan golongan miskin untuk menulis “memori sejarah” mereka sendiri (Lynd,

1993: 8). Sudah pasti pengembangan tema baharu menggunakan kaedah kelisanan sangat diperlukan agar dapat mengimbangi penulisan sejarah dan penelitian sosial yang terlalu berorientasikan elit politik dan cenderung memperlakukan golongan bawahan sebagai objek dari penindasan kapitalis, tetapi jarang menonjolkan peranan aktif mereka dalam sesuatu peristiwa sejarah. Maka, tidak menghairankan apabila masyarakat semakin kerap mendengar sejarawan membincangkan tentang penemuan kembali suara mangsa keganasan, golongan miskin dan masyarakat yang dipinggirkan. Atas faktor ini menyebabkan Paul Thompson menyatakan “apabila biografi tokoh hanya menampilkan kehidupan dan pandangan elit, maka kaedah kelisanan dapat dilihat sebagai biografi masyarakat” (Thompson, 1988). Tambah beliau lagi, kaedah kelisanan juga menjadikan penulisan sejarah menjadi lebih demokratik kerana mengubah fungsi sosialnya agar bersifat manusawi dan memperluaskan tema penulisan sejarah. Walaupun sejarah lisan mampu bertindak sebagai alternatif metodologi kepada rekonstruksi sejarah masyarakat bawahan, tetapi kebanyakan projek sejarah lisan yang dijalankan masih gagal keluar daripada tema sejarah dominan dan cenderung mendokumentasikan testimoni lisan daripada orang besar. Seandainya perkara ini ditelusuri secara lebih meluas, ternyata kegagalan pendukung awal sejarah lisan dalam menghasilkan penulisan sejarah bukanlah suatu yang menghairankan. Perkara ini dapat diperhatikan apabila Allan Nevins yang mempopularkan penggunaan sejarah lisan dalam pengkajian sejarah masyarakat Amerika juga kekal memerhatikan dan menemu bual orang ternama dalam menghasilkan penulisannya. Dalam hal ini, Nevins memilih projek sejarah lisan pertama dilaksanakan di Universiti Colombia kerana berpotensi mendapatkan pembiayaan dari luar. Hakikat ini dibuktikan dengan menelusuri projek terawal yang dilaksanakan oleh Nevins adalah seperti *Oil Wild Catting*, *the Book of the Month Club*, *Ford Motor Company* dan *Timber Industry* kerana potensi individu atau syarikat yang ditemu bual untuk memberikan dana kepadanya (Moss & Mazikana, 1986: 16).

Dalam hal ini, sememangnya diakui penulisan sejarah juga tidak terlepas daripada kebergantungan terhadap elit politik terutamanya untuk mengetahui peristiwa berkenaan persoalan kemerdekaan, perkembangan politik mahupun pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Namun, pemusatan sejarawan kepada pendokumentasian “memori sejarah” elit

menyebabkan banyak peristiwa penting yang dialami dan nilai budaya yang dilestarikan oleh masyarakat bawahan akan hilang sebagai bukti budaya dan sejarah kerana kurangnya usaha pendokumentasian dilakukan. Maka, sejarawan juga disarankan untuk mengalihkan kecenderungan mereka daripada pemusatan kepada sumber dokumen kepada sejarah lisan dan daripada pendekatan “sejarah dari atas” kepada pendekatan “sejarah dari bawah” agar dapat memberikan perspektif berlainan, melestarikan budaya serta mendokumentasikan fakta baharu dalam memahami masa lalu. Atas kekuatan metode kelisanan ini membolehkan fungsi sejarah lisan semakin meluas kerana tidak hanya sebagai pendokumentasi maklumat baharu menjadi sumber sejarah, tetapi juga dapat mengekalkan kedudukan masyarakat bawahan dalam penulisan sejarah (Dunaway & Baum, 1984; Abu Hassan, 2004). Keupayaan ini dapat diperhatikan melalui ungkapan Gary Y Okhirio seperti berikut:

“Black Women, silent, almost invisible in America, has been speaking for three hundred years in pantomime or at least in a borrowed voice. She has moved silently through the mythological roles forced upon her chattel to mammy to Matriarch. She has solaced and fortified the entire South of the United States, black and white, male and female, a South which reveres and heeds her in secret, which confides in her and trusts her to rear its children, black and white, yet which-like the rest of America-has never asked her to speak, to reveal her private history, her knowledge, her imaginings, never asked her participation in anything but maintenance of humanity by way of the back door”.

(Okihiro: 1981: 42)

Walaupun secara teorinya metode sejarah lisan menjanjikan suatu kelebihan yang tidak dapat dipenuhi oleh sumber dokumen, tetapi secara praktiknya metode tersebut tidak dapat dijalankan begitu sahaja tanpa pemahaman yang mendalam. Keadaan ini disebabkan, kehadiran metode sejarah lisan dalam mendokumentasikan sumber sejarah ternyata lebih sukar daripada yang difahami oleh para pendukungnya. Maka, tidak menghairankan apabila banyak hasil projek sejarah lisan kekal dalam bentuk kaset atau audio sehingga diseliputi debu kerana tidak disimpan dengan baik. Pada masa yang sama, terdapat pendukung sejarah lisan yang cenderung memulakan kajiannya dengan kesimpulan dan bukannya pertanyaan sehingga prinsip dan metodologi sejarah lisan tidak dipedulikannya. Terdapat pula kesalahfahaman

dalam kalangan ahli sejarah apabila menyatakan sejarawan yang menjalankan temu bual sebagai sejarawan lisan, sedangkan kajiannya tidak memenuhi peraturan sejarah lisan yang sebenarnya. Hal ini demikian kerana sejarawan yang ingin menjalankan projek sejarah lisan perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pendahulunya meliputi proses persediaan, teknik mengumpul dan memproses maklumat agar sumber sejarah yang berwibawa dapat diperoleh. Maka, projek sejarah lisan perlu menghasilkan dua bentuk penulisan iaitu (i) maklumat yang telah diolah dan (ii) teks verbatim yang masih dalam bentuk “memori sejarah”. Oleh sebab itu, sejarawan yang telah melakukan proses temu bual, tetapi tidak bersandarkan kepada peraturan penyelidikan sejarah lisan, maka kajiannya tidak digolongkan sebagai metode sejarah lisan. Sebaliknya pula, kajian yang tidak menghasilkan teks verbatim hanya digolongkan sebagai kajian sejarah yang menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan sumber sejarah dan bukannya sejarah lisan. Akibat kesukaran melaksanakan projek sejarah lisan dalam konteks *praxis* (teori dan praktik), maka banyak projek yang dijalankan mengalami kegagalan, terhenti separuh jalan, hasil rakaman temu bual tidak kekal lama, muncul sejarawan yang bingung untuk menganalisis dan menulis hasil temu bual mereka serta beberapa penulisan yang diterbitkan dengan mutu meragukan. Dalam hal ini, apabila sejarawan berjaya melaksanakan projek sejarah lisan dalam konteks yang sebenarnya, sudah pasti metode ini mampu menghasilkan sumber sejarah yang berwibawa, setaraf dengan sumbangsan dan prestij sumber dokumen dalam penulisan sejarah. Dengan itu kelak, sejarah yang dihasilkan akan memenuhi tuntutan sejarawan sama ada dari aliran objektiviti maupun subjektiviti.

KESIMPULAN

Keberadaan sumber sejarah memungkinan penulisan sejarah “seperti sebenarnya berlaku” dapat dihadirkan sifatnya dalam penulisan sejarah. Namun, pemahaman akan keberadaan sumber sejarah tidak seharusnya didominasi oleh sumber dokumen sahaja kerana penulisan sejarah juga dapat didekonstruksi menggunakan sumber lisan. Hal ini demikian kerana kepercayaan berlebihan kepada sumber dokumen hanya akan menjadikan sebahagian besar “memori sejarah” masyarakat dunia tidak dapat didokumentasikan sebagai pengalaman bersifat kebangsaan dan nilai

budaya sesebuah masyarakat. Pada masa yang sama, kebanyakan sumber dokumen sejarawan yang digunakan oleh sejarawan pada masa kini pula berpotensi dimanipulasi atas kehendak untuk berkuasa yang dipengaruhi oleh persoalan kepentingan individu, negara dan juga ideologi. Atas sebab itu, persoalan kesahihan sumber dan kebenaran sejarah bukan lagi ditentukan oleh persoalan hierarki dan bentuk sumber, tetapi kemampuan sejarawan itu sendiri untuk memahami “pemikiran” di sebalik sumber. Dengan itu, keberadaan sumber sejarah sama ada dalam bentuk dokumen atau kelisanan sebenarnya dapat dijadikan sumber berwibawa dalam menghasilkan penulisan sejarah. Perkara ini menjadi semakin mendesak sifatnya dengan munculnya aliran pemikiran pascamoden dan pascastrukturalis yang mengangkat persoalan “kebenaran” sejarah adalah berkaitan kemampuannya untuk bertindak sebagai emansipasi kepada golongan yang terpinggir dalam wacana sejarah. Perubahan paradigma ini lebih menyebelahi keberadaan sejarah lisan berbanding sumber dokumen kerana dipercayai menjadikan sejarah lebih kritis, manusiawi dan demokratik sifatnya. Meskipun begitu, sehingga kini metode sejarah lisan masih belum mendapat tempat yang sewajarnya dalam penulisan sejarah, walhal usaha meletakkannya setaraf dengan sumber dokumen sudah digerakkan sejak era ketamadunan Yunani. Menyedari permasalahan yang terus berkelangsungan ini menyebabkan pendukung sejarah lisan terus giat mempopularkan metode sejarah lisan dalam penulisan sejarah sehingga kini. Sekiranya perkara ini dapat direalisasikan, sudah pasti idea kelisanan yang dikemukakan oleh sejawan lisan dapat dikembangkan dan diperkuuhkan sebagai salah satu sumber utama dan alternatif metodologi dalam memahami pemikiran dan sejarah sesuatu masyarakat dari perspektif “orang dalam”.

NOTA

¹ Pemaknaan kebenaran sejarah ini semakin dicabar dengan kemunculan aliran pascamoden yang turut mengkritik kepercayaan aliran positivisme. Dalam hal ini, sejarawan pascamoden berusaha mengubah tanggapan sejarah sebagai suatu pengetahuan saintifik dan mampu menggambarkan peristiwa masa lalu “seperti sebenarnya berlaku”. Kecenderungan ini disebabkan aliran pascamoden mencabar pola pemikiran lama, menterbalikkan sudut pandangan biasa dan mempersoalkan hierarki sedia ada dengan mengemukakan kaedah analisis baharu bagi mendedahkan pemesongan-pemesongannya. Lebih jauh daripada itu, Lyotard sebagai salah seorang daripada pemikir utama aliran

ini menyatakan pascamoden hadir sebagai tanda pemutusan secara menyeluruh dengan budaya moden dan bukannya sekadar memperbetulkan pemikiran dan kepercayaan zaman sebelumnya. Salah satu daripada usaha merealisasikan matlamat tersebut diperlihatkan semasa persidangan sains sosial dan kemanusiaan pada tahun 1989 di San Francisco yang membicarakan paradigma baharu berkaitan konstruktivisme, dekonstruktivisme, pascapositivisme dan teori kritis. Persidangan ini bertindak membahaskan persoalan epistemologi yang menjurus kepada ketidakpastian ilmu pengetahuan dengan menafikan wujudnya kerangka konseptual universal dalam memahami sesuatu fenomena sosial. Penolakan ini disandarkan atas kesedaran keterbatasan subjek untuk mengetengahkan realiti sebagai suatu kebenaran ilmu pengetahuan daripada perspektif atau paradigma tertentu.

- ² Dalam pandangan pascamoden, kematian subjek bermaksud manusia yang sekian lama dianggap sebagai pusat kenyataan atau subjek untuk memaknakan kebenaran pengetahuan telah digantikan kedudukannya oleh ‘bahasa’. Maka, kedudukan inderawi dan akal yang dianggap rasional telah digantikan oleh unsur irasional iaitu kebebasan atau kehendak sebagai faktor pendorong tindakan dan pemikiran manusia. Hal ini bermakna, proses desentralisasi manusia menjadikan manusia tidak lagi dianggap sebagai subjek bahasa, subjek pemikiran, subjek tindakan dan pusat sejarah kerana telah digantikan oleh ‘bahasa’ sebagai pusat kenyataan atau subjek memaknakan kebenaran pengetahuan. Akhirnya, bahasa adalah subjek terpenting dalam pemikiran manusia.
- ³ Sejarah lisan sebagai suatu teknik penyelidikan moden untuk menyimpan dan mendokumentasikan sesuatu peristiwa sejarah. Penyelidikan sejarah lisan tersebut melibatkan proses temu bual menggunakan pita rakaman dengan individu yang mempunyai pengetahuan berkenaan sesuatu peristiwa sejarah sama ada melalui penglibatan mereka secara langsung atau sekadar menjadi pemerhati kepada peristiwa tersebut.
- ⁴ Secara umumnya, kehadiran tradisi lisan dalam lapangan ilmu sosial dan kemanusiaan sering diungkapkan sebagai keterangan lisan tentang masa lampau yang telah diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi lain melalui kaedah pertuturan. Pada dasarnya, tradisi lisan terdiri daripada bentuk prosa dan puisi yang antaranya meliputi mitos, legenda, pantun, peribahasa, perbilangan, adat, sejarah dan perubatan. Segala aspek yang terdapat dalam tradisi lisan akan mentradisi apabila dituturkan dan didengarkan daripada satu generasi ke satu generasi lainnya. Hal ini juga bermakna, penyampaian, penyimpanan dan pengabdian sesuatu tradisi lisan sangat bergantung kepada kekuatan fikiran sesebuah masyarakat.
- ⁵ Walau bagaimanapun, adalah tidak realistik untuk mengatakan bahawa sarjana Barat tidak dapat menembusi sistem nilai masyarakat tempatan dalam penulisannya kerana kadangkala mereka dapat menguasainya lebih baik daripada sejarawan tempatan. Keadaan ini disebabkan penulisan yang dihasilkan adalah melalui pemerhatian secara langsung berkenaan peristiwa yang dikaji dan bukannya rekaan mereka semata-mata. Namun, sekiranya tiada usaha pensejarahan semula dilakukan, maka sejarawan tempatan hanya akan membuat pengulangan fakta yang ditulis oleh sarjana Barat. Pensejarahan ini pula hanya boleh dilakukan melalui pelaksanaan metode sejarah lisan dengan menemu bual informan terpilih yang mempunyai pengalaman berharga.

RUJUKAN

- Acton, L. (1948). *Essays on freedom and power*. The Free Press.
- Alfathri Adlin. (2016). Michel Foucault: Kuasa/Pengetahuan, (Rezim) Kebenaran, Parrhesia. *Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam*, 1(1), 13-25.
- Allen, B. (1988). Talking About American Past: Oral history and American studies. In David Stricklin, D. & Sharpless, R (Eds.). *The Past Meet The Present*. University Press of America.
- Ankersmit, F.R. (1989). Historiography and postmodernism. *History and Theory*, 28(2), 137-153.
- Beard, C.A. (1934). Written history as an act of faith. *The American Historical Review*, XXXIX(2), 219-231.
- Becker, C.L. (1955). What are historical facts?. *The Western Political Quarterly*, 8(3), 327-340.
- Burke, P. (2011). *Sejarah dan Teori Sosial*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Bury J.B. (1972). History as a science. In F. Stern (Ed.). *The Varieties of History*. The World Publishing Company.
- Carr, E.H. (1988). *Apakah sejarah* (Terj. Ab. Rahman Ismail). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Caunce, S. (1994). *Oral history and local historian*. Longman.
- Collingwood, R.G. (1959). The historical imagination. In Meyerhoff, H. (Ed.). *The Philosophy of History in Our Time*. Double Day Anchor Books.
- Collingwood, R.G. (1985). *Idea sejarah* (Terj. Muhd Yusof Ibrahim). Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Conati, N. (2005). History as contemporary history in the thinking of Benedetto Croce. *Journal of Philosophy*, 5, 54-61.
- Croce, B. (1941). *History as the Story of Liberty* (Terj. Sylvia Sprigge). W.W Norton.
- Croce, B. (1959). History and chronicle. In Meyerhoff, H (Ed.). *The Philosophy of History in Our Time*. Double Day Anchor Books.
- Dudung Abdurahman. (2007). *Metodologi penelitian sejarah*. Ar-Ruzz Media Group.
- Dunaway, D.K & Baum, W.K (Eds.). (1984). *Oral History: An Interdisciplinary Anthology*. American Association for State and Local History.
- Eko Prayitno Joko. (2018). Peranan Muzium Sabah dalam Memalarsegarkan tradisi lisan etnik Sabah melalui pendokumentasian. Dlm. Eko Prayitno Joko (Peny.). *Deskripsi Mengenai Sabah Daripada Pelbagai Perspektif: Esei-Esei Sumbangsih Untuk Sabihah Osman*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Erwiza Erman. (2011). Penggunaan sejarah lisan dalam historiografi Indonesia. *Jurnal Masyarakat dan Budaya*, 13(1), 1-22.

- Fileksius Gulo. (2018). Teori dekonstruksi dan dekonstruksi teori: Strategi pembelajaran alternatif pada teori-teori sejarah kontroversial peristiwa 1965. *Prosiding Seminar Nasional FKIP 2018*. Universitas Sanata Dharma.
- Finney, P. (2013). Keith Jenkins and the heroic age of British postmodern theory. *Rethinking History*, 17(2), 172-191.
- Foucault, M. (2012). *Arkeologi pengetahuan*. IRCiSoD.
- Frisch, M. (1990). *A shared authority: Essays on the craft and meaning of oral and public history*. State University of New York Press.
- Grele, R.J. (1979). Listen to their voices: Two case studies in the interpretation of oral history interviews. *Oral History Journal*, 7(1), 33-42.
- Grele, R.J. (1985). Movement without aim: Methodological and theoretical problems in oral history. In Grele, R.J (Ed.). *Envelopes of Sounds: The Art of Oral History*. Precedent Publishing Inc.
- Grele, R.J. (2007). Oral history as evidence. In Charlton, T.L., et al. (Eds.). *History of Oral History: Foundations and Methodology*. ALTAMIRA Press.
- H. Dadang Supardan. (2007). *Pengantar sains sosial: Sebuah kajian pendekatan struktural*. PT Bumi Aksara.
- Hilmar Farid (b). (2008). *Menulis sejarah itu bukan mudah*. Universiti Sanata Dharma.
- James H. Morrison. (2000). Perspektif global sejarah lisan. Dlm. Asvi Warman Adam (Ed.). *Sejarah lisan di Asia Tenggara: Teori dan Metode*. Pustaka LP3ES.
- Jan Vansina. (2019). *Tradisi lisan sebagai sejarah* (Terj. Astrid Reza). Penerbit Ombak.
- Jenkins, K. (1991). *Rethinking history*. Routledge.
- Jenkins, K. (1999). *Why history? Ethics and postmodernity*. Routledge.
- Jenkins, K. (1995). *On what history? From Carr and Elton to Rorty and White*. Routledge.
- Johan Setiawan Ajat Sudrajat. (2018). Pemikiran postmodernisme dan pandangannya terhadap ilmu pengetahuan. *Jurnal Filsafat*, 28(1), 25-46.
- John Roosa, Ayu Ratih & Hilmar Farid. (2004). *Tahun yang tak pernah berakhir: Memahami perasaan korban 65*. Lembaga Studi dan Advokasi Masyarakat (ELSAM) dengan kerjasama Tim Relawan Kemanusiaan untuk Manusia dan Institut Sejarah Sosial Indonesia.
- Joko, E. P. (2022). *Sejarah lisan dalam penulisan sejarah politik sabah: Penelitian terhadap peristiwa rusuhan Sabah*. Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah.
- K. Anbalakan. (1995). Objektiviti dalam sejarah: Bukan satu impian. Dlm. Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheang (Eds.). *Isu-isu Pensejarahan*. Universiti Sains Malaysia.
- K. Anbalakan. (2016). Objectivity in history: An analysis. *The Asian Journal of Humanities*, 23(1), 21-33.

- Kamarudin Said. (2004). Mainan pascamodern di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 1, 179-218.
- Kuntowijoyo. (2003). *Metodologi sejarah*. Tiara Wacana.
- Kuntowijoyo. (2008). *Penjelasan sejarah*. Tiara Wacana.
- Kwa Chong Guan (b). (1991). The value of oral testimony evaluating oral history. *ASEAN Colloquium On Oral History, Oral History: The ASEAN Experience*. Kuala Lumpur, 10-14 Jun.
- Louis Starr, L. (1984). Oral history. Dlm. Dunaway, D.K., & Baum, W.K (Eds.). *Oral History: An Interdisciplinary Anthology*. Altamira Edition.
- Lowie, R.H. (1917). Oral traditional and history. *Journal of American Folklore*, 30(16), 161-167.
- Lynd, S. (1993). Oral history from below. *Oral History Review*, 21(1), 1-8.
- Mohamad Jefri Sabli. (2007). *Kajian dan Pendokumentasian sejarah lisan di Negara Brunei Darussalam: Satu tinjauan Arkib Negara Brunei Darussalam dalam pemuliharaan sejarah dan tamadun Borneo: Ke arah pengukuhan negara bangsa*. Brunei Darussalam.
- Mona Lohanda. (2011). *Membaca sumber menulis sejarah*. Ombak.
- Moss, W.M., & Mazikana, P.C. (1986). *Archieves, oral history and oral traditional a RAMP study*. United Nations Educational Scientific and Cultural Organization.
- Muhd Yusof Ibrahim & Mahayudin Yahya. (1988). *Sejarawan dan pensejarahan ketokohan dan karya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mukhtar Ramli. (1980). Peranan Surat-surat persendirian sebagai sumber sejarah. *Buletin No. 3*. Arkib Negara Malaysia.
- Munslow, A. (1997). *Deconstructing history*. Routledge.
- Munslow, A. (2013). Rethinking metahistory: The Historical Imagination in Nineteenth Century Europe. *Rethinking History: The Journal of Theory and Practice*, 1-7.
- Munslow, A. (2013). *The new history*. Pearson Education Limited.
- Nadzan Haron. (1979/1980). Satu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah. *Jebat*. 9, 44-58.
- Novick, P. (1988). *That noble dream: The objectivity question and the American Historical Profession*. Cambridge University.
- Okihiro, Gary. 1981. The writing of ethnic history. *Oral History Review*, 9, 27-46.
- Perk, R. & Thompson, A. (1998). *The oral history reader*. Routledge.
- Portelli, A. (1991). What makes oral history different. In Portelli, A (Ed.). *The Death of Luigi Trastulli and Others Stories: Form and Meaning in Oral History*. State University of New York.
- Portelli, A. (1998). What makes oral history different. In Perks, R., & Thompson, A (Eds.). *The Oral History Reader*. Routledge.
- Rozeman Abu Hassan. (2004). *Mengenali dan mentafsir sumber sejarah*. Karisma Publications Sdn. Bhd.

- Russell, B. (1993). *Sejarah falsafah Barat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sartono Kartodirdjo. (1982). *Pemikiran dan perkembangan historiografi Indonesia*. Gramedia.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1996). Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis. *Southeast Asian Studies*, 34(3), 476-499.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Budaya yang tercabar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Spurr, D. (1994). *The rhetoric of empire: Colonial discourse in journalism, travel writing and imperial administration*. Duke University Press.
- Starr, L. (1984). Oral history. In Baum, D.K (Ed.). *Oral history: An interdisciplinary anthology*. Altamira Edition.
- Sweeney, A. (1974). Professional Malay story-telling: Some questions of style and presentation. *JMBRAS*. 46, 1-4.
- Sweeney, A. (1987). *A full hearing: Orality and literacy in the Malay world*. Berkeley dan University of California Press.
- Sweeney, A. (2011). *Pucuk Gunung Es: Kelisahan dan Keberaksaraan dalam Kebudayaan Melayu-Indonesia*. Kepustakaan Populer Gramedia.
- Sweeney, Amin. (1980). *Authors and audiences in traditional Malay literature*. Monograph Series No. 20. University of California.
- Tan Liok Ee. (1995). Sejarah: Antara realiti dengan representasi. Dlm. Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheng (Eds.). *Isu-isu Pensejarahan: Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam*. Universiti Sains Malaysia.
- Thompson, A. et al. (1994). The memory and history debates: Some international perspectives. *oral history*, 22(2), 33-43.
- Thompson, P. (1988). *The voice of the past*. Oxford University Press.
- Turner, F.J. (1920). *The frontier in American history*. Henry Holt and Company.
- W.J. van der Dussen. (1981). *History as a science: The philosophy of R.G. Collingwood*. Nijhoff.
- Zagorin, P. (1990). Historiography and Postmodernism: Reconsiderations. *History and Theory*, 29(3), 263-274.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (1991). The role and important of oral history. *ASEAN Colloquium on Oral History, Oral History: The ASEAN Experience*. Kuala Lumpur, 10-14 June.

Eko Prayitno Joko (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengkhususan beliau adalah berkaitan sejarah lisan dalam penulisan sejarah. Fokus kajian beliau juga melibatkan sejarah politik Sabah dan penulisan sejarah yang bersifat sejarah dari bawah.

Md. Saffie Abdul Rahim (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengkhususan beliau adalah berkaitan Sejarah Jepun/Sejarah Asia Timur. Fokus kajian beliau juga melibatkan pembangunan ekonomi Jepun di Sabah dan lebih menumpukan kepada pengumpulan dokumen arkib.

Nordi Achie (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengkhususan beliau adalah berkaitan Sejarah Malaysia. Fokus kajian beliau juga melibatkan aspek nasionalisme dengan tumpuan kepada era sebelum pembentukan Malaysia.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa

(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)